

# Dasar pelaburan perlu terus diperkukuh

Langkah pastikan ekonomi negara kekal teguh dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa

Berita Harian · 13 Jan 2021 · 36

menyebabkan ketidakpastian dan ketidaktentuan dalam pelaksanaan dasar yang bertujuan menarik pelaburan masuk ke dalam negara,” katanya kepada BH.



Ahmed Razman yang juga Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBDS), berkata negara lain yang mengalami pandemik serius seperti Malaysia masih mampu menarik pelaburan asing kerana mempunyai kerajaan yang stabil.

Beliau berkata, sebagai contoh, banyak syarikat gergasi teknologi sudah mula memberi tumpuan kepada Indonesia dari segi pelaburan langsung ke atas negara itu walaupun republik itu mencatatkan kes COVID-19 yang tinggi.

“Ini disebabkan pelabur asing tahu bahawa pandemik dapat ditangani. Namun, apa yang membuatkan Indonesia lebih daripada kita adalah ketika ini negara itu mempunyai kerajaan yang stabil serta mesra pelabur,” katanya.

Pandangan itu turut dipersetujui oleh Profesor Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UNIKL), Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid yang menyatakan dasar pelaburan perlu diperjelaskan dengan telus terutama ketika darurat.

Beliau berkata, kerajaan harus menstabilkan iklim pelaburan dengan melaksanakan dasar proaktif yang menyakinkan pelabur termasuk cara mengendalikan kes mahkamah, ketelusan perlantikan profesional bukan ahli politik menerajui syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta agensi.

“Kerajaan boleh melaksanakan hubungan kerjasama global dengan syarikat multinasional bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia.

“Paling penting adalah kita memerlukan satu rangka kerja dan pelan tindakan segera sepanjang pelaksanaan darurat ini. Ia bagi memastikan arah tuju yang jelas untuk ekonomi, politik, kesihatan dan bencana,” katanya.

Sementara itu, Fitch Solutions melihat pelaksanaan darurat yang diumumkan kerajaan mempunyai prospek yang bercampur-campur.

Ia berkata, pihaknya akan memantau dan meneliti bagaimana kerajaan melaksanakan kuasa darurat itu dalam minggu-minggu akan datang sebelum mempertimbangkan sebarang perubahan kepada skor indeks risiko politik jangka pendeknya yang kini berada pada paras 66.7 mata daripada skor terbaik 100 mata.

Katanya, kemampuan kerajaan untuk meluluskan undang-undang tanpa persetujuan Parlimen adalah kelebihan untuk penggubalan dasar dalam tempoh berkenaan.

“Sesungguhnya, risikonya amat ketara sekiranya kerajaan mengambil kesempatan untuk meluluskan undang-undang yang tidak popular yang sebaliknya tidak akan diluluskan oleh Parlimen,” katanya.

Bagi pelabur asing, kefahaman mereka mengenai darurat mungkin berbeza dengan apa yang diumumkan kerajaan. Pelabur akan melihat darurat ini sebagai tanda ketidakstabilan politik yang memungkinkan kerajaan pada masa kini bakal tumbang bila-bila masa.

Penganalisis ekonomi